

# Amalan-Amalan Kerohanian Dalam Kalangan Pesakit Kanser Wanita

Nora Ahmad @ Aziz, A'dawiyah Ismail, Salasiah Hanin Hamjah

Jabatan Pengajian Dakwah dan kepimpinan, Fakulti Pengajian Islam,  
Universiti Kebangsaan Malaysia,  
43600 Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Email : mejnor1972@gmail.com; ada@ukm.edu.my; salhanin@ukm.edu.my

---

**Abstrak** – Kerohanian menurut Islam merupakan aspek penting yang perlu difahami oleh semua pesakit kanser. Ia sangat sesuai diaplikasikan oleh pesakit kanser wanita. Namun, terdapat segelintir manusia apabila menghadapi ujian kesakitan, mereka tidak redha dan sabar sehingga tiada harapan untuk meneruskan kehidupan. Selain itu, terdapat juga pesakit yang mengambil jalan pintas iaitu mendapatkan kaedah rawatan tradisional seperti bomoh, pawang dan sebagainya. Akibatnya ramai pesakit yang menganggap ujian ini sebenarnya tiada harapan lagi dan hanya menunggu ajal sahaja. Bahkan juga ada sebahagian amalan mereka jauh menyimpang daripada ajaran Islam. Hal ini menyebabkan pesakit mengamalkan rawatan yang tidak betul dan bertentangan dengan tuntutan syarak seperti mengamalkan mantera yang jelas terpesong dari akidah Islam. Kertas kerja ini bertujuan untuk mengkaji amalan-amalan kerohanian yang boleh diamalkan oleh pesakit kanser wanita. Reka bentuk kajian adalah kuantitatif yang berbentuk kajian tinjauan. Data dikumpulkan menerusi borang soal selidik dan dianalisis menggunakan perisian komputer *Statistical Package for the Social Science (SPSS) Version 23* berdasarkan kekerapan, peratus dan min. Dapatan kajian menunjukkan bahawa amalan-amalan kerohanian amat sesuai diamalkan dalam kalangan pesakit kanser wanita seperti membaca al-Quran, berzikir, berdoa, beristighfar, qiamullail, berpuasa, mengerjakan haji dan umrah serta bermuhasabah untuk membentuk kehidupan mereka agar berterusan dengan baik.

**Kata kunci:** Amalan kerohanian, pesakit kanser

---

## I. Pendahuluan

Menurut al-Ghazali (1993) ruhaniah adalah berkaitan dengan persoalan dalaman dan kejiwaan manusia. Najati (1992) mendefinisikan ruhaniah sebagai permasalahan jiwa menurut al-Quran. Noresah (2010) kerohanian atau *spiritual* berdasarkan Kamus Dewan Bahasa adalah jiwa. Manakala dari sudut literal, *spiritual* itu adalah pengalaman jiwa manusia yang mempunyai makna dan tujuan. Mohd Kamel (2011) secara fitrah, badan manusia memerlukan elemen kerohanian untuk mensejahterakan fizikal, mental dan emosi. Elemen kerohanian berperanan mendekatkan diri kepada pencipta, mendidik dan menguatkan diri seperti amalan berdoa, berzikir, menuntut ilmu, melakukan solat-solat sunat dan sebagainya dan ianya sebagai alternatif untuk terapi diri bagi menenteramkan hati, akal dan jasad demi mencapai kesejahteraan hidup.

Menurut A. Rahman (2008) kanser tetap menjadi cabaran terbesar dunia perubatan moden. Pesakit yang ditakdirkan mengalami kanser, harus percaya dan yakin bahawa setiap penyakit itu ada ubatnya. Mungkin pesakit mewarisi gen yang meningkatkan risiko untuk mendapat kanser, namun pesakit masih ada peluang melalui penyaringan dan pengesanan awal. Pesakit terdedah samada secara sengaja atau tidak sengaja kepada persekitaran atau pernah mengamalkan gaya hidup kurang sehingga meningkat risiko untuk mendapat kanser, tidak terlewat untuk memulakan hidup baru. Sabri (1999) tubuh badan yang dianugerahkan oleh Allah SWT menyebabkan kadang-kadang manusia tidak bersyukur dan tidak menjaganya dengan baik akan menyebabkan kesihatan jasmani terganggu dan kesihatan mental akan tergugat. Setiap individu yang sihat perlu menjaga makanan dan sistem pemakanannya. Di samping itu, latihan

jasmani yang menjadi tuntutan supaya perjalanan darah dan urat sarafnya sentiasa berada dalam keadaan yang baik. Ahmad (1993) kesakitan penyakit kronik dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti personaliti atau sahsiah pengidap, persekitaran, sokongan atau simpati yang diterima daripada ahli keluarga dan kewujudan masalah kesihatan lain seperti kerisauan dan kemurungan apabila sel sihat kehilangan oksigen, ia bertukar menjadi kanser. Menurut Dr Airaishi, saintis terkenal Jepun pula mengatakan sel yang hidup dalam persekitaran asidik akan bertukar menjadi sel kanser. Jika setiap apa yang diamal pada hari ini bersifat tidak baik untuk kesihatan, ianya berpotensi untuk mengundang penyakit kanser. ([www.cancer.org](http://www.cancer.org)).

Menurut Azimathol (1998) secara umumnya, terdapat beberapa jenis penyakit kanser yang dominan menyerang manusia di dunia khususnya di Malaysia. Kejadian kanser bukanlah hasil daripada proses hayat semula jadi tetapi satu unsur lanjutan daripada aberasi kromosom. Semua hidupan termasuk manusia terdiri daripada sel yang gabungannya membentuk tisu dan seterusnya organ yang semuanya berperanan bagi membantu sesuatu organisma itu berfungsi secara sempurna. Mohd Rushdan (2008) apa yang menarik berkenaan dengan penyakit kanser ini ialah satu pertiga daripada kes kanser boleh dicegah dengan kaedah pencegahan yang sesuai, manakala satu pertiga lagi boleh dirawat. Bagi pesakit kanser yang sukar dirawat, terdapat kaedah rawatan yang dapat mengurangkan penderitaan mereka. Kaedah rawatan ini dinamakan dengan penjagaan *paliatif*.

Menurut Rushdan (2008) pelbagai jenis kanser yang sering dialami oleh kalangan wanita seperti kanser payudara, serviks, usus besar, rahim dan ovari. Bruce (2006) kanser payudara ialah sejenis tumor yang menular dengan ganas serta mengancam nyawa dan berkembang di dalam tisu payudara. Jika tidak dikesan awal dan dirawat segera, ianya boleh merebak ke nodus limfa yang terletak di bawah ketiak dan seterusnya bahagian-bahagian badan yang lain seperti paru-paru, tulang dan sebagainya. Kedua ialah kanser serviks, Amina & Kamilarini (2006) serviks adalah pangkal rahim. Rahim merupakan bahagian badan di mana janin berkembang. Serviks berhadapan dengan saluran yang dipanggil faraj. Dalam kanser serviks, sel-sel di serviks bertindak secara tidak normal. Sel-sel terus membesar dan membentuk satu benjolan atau tumor. Jika tidak dirawat, sel-sel kanser ini boleh merebak ke bahagian badan yang lain melalui sistem darah atau limfa. Md. Tahir (1994) kanser serviks lebih sering berlaku dalam kalangan wanita yang berkahwin awal atau memulakan hubungan seks awal, mempunyai ramai anak, mempunyai ramai pasangan atau pasangan lelaki mempunyai banyak pasangan. Ketiga kanser usus besar, Lokman (2013) kanser ini adalah sejenis kanser yang menyerang sistem penghadaman. Menurut Arief Budiman (2012) kanser usus juga dikenali sebagai kanser kolorektal adalah salah satu daripada kanser yang kerap berlaku. Usus ialah organ terpanjang dalam sistem penghadaman. Ianya mempunyai dua bahagian iaitu usus kecil ialah tempat makanan diserap dan usus besar ialah tempat air dan garam diserap. Terdapat dua bahagian dalam usus besar iaitu kolon dan rektum. Kanser ini ialah ketumbuhan kanser yang biasanya bermula dari dalam lapisan usus besar. Di sinilah makanan bertukar menjadi najis dan ianya akan digerakkan ke arah rektum. Rektum ialah bahagian 15 sentimeter atau enam inci terakhir usus besar yang berakhir dengan dubur. Usus dan rektum adalah sebahagian daripada sistem pencernaan yang bertugas mengasingkan nutrien daripada makanan dan menyimpan bahan sisa sehingga ianya dikeluarkan daripada badan sebagai najis. Keempat ialah kanser rahim ialah menurut Rushdan (2008) rahim merupakan organ reproduktif yang berfungsi sebagai tempat membesar janin ataupun kandungan. Rahim merupakan organ berbentuk buah *pear* dan terdiri daripada bahagian badan (*uterine body*) dan bahagian pangkal rahim (serviks). Kelima ialah kanser ovari. Mohd Rushdan (2008) ovari merupakan satu organ reproduktif wanita yang sangat penting dan kanser ini sangat berbahaya dan sukar dirawat. Antara kanser organ wanita, kanser ovari merupakan kanser yang paling sukar dikesan dan mempunyai kadar kematian yang tinggi. Ianya disebabkan oleh kesukaran mengesan kanser ini pada peringkat awal dan tidak ada kaedah pencegahan yang berkesan. Kanser ovari boleh berlaku pada wanita yang lebih muda, malah ada kes kanser ovari yang berlaku pada golongan gadis belasan tahun. Pesakit-pesakit yang mengalami kanser disarankan melakukan amalan kerohanian seperti yang dianjurkan oleh Islam.

Tujuan amalan-amalan kerohanian dalam kalangan pesakit kanser wanita ialah dapat memantapkan keimanan. Al-Ghazali (2000) keimanan merupakan suatu perkara penting dalam kehidupan manusia kerana keimanan boleh memberikan kesan positif kepada kesihatan jiwa. Keimanan kepada sifat-sifat Allah SWT akan memberi sepenuh kepercayaan kepada manusia agar mengakui kesempurnaan dan kekuasaan Allah SWT sebagai tempat pergantungan yang diyakini akan memberikan hidayah serta bersifat belas kasihan kepada hamba-Nya dalam menghadapi apa jua kesusahan dalam kehidupan. Di samping itu, dapat mempertingkatkan ibadah. Al-Ghazali mengatakan bahawa pelaksanaan ibadah turut memainkan peranan penting bukan sahaja dalam mempertingkatkan keimanan tetapi turut membantu manusia mengatasi masalah dalam kehidupan lebih-lebih lagi jika masalah itu berkait secara langsung dengan kerohanian kerana ibadah dapat menghubungkan terus seseorang hamba dengan pencipta-Nya. Dalam konteks ini, perlu difahami bahawa ibadah itu bukan terikat hanya kepada amalan yang tergolong dalam kategori ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji, malah ibadah mencakupi pelbagai aspek serta meliputi makna kepatuhan kepada segala perintah Allah SWT.

## II. Pernyataan Masalah

Mohd Rushdan (2008) pesakit kanser akan menghadapi pelbagai gangguan psikologi kerana perubahan yang berlaku dalam kehidupan termasuklah masalah kesihatan, kewangan ataupun masalah sokongan orang terdekat. Kehidupan pesakit kanser kebiasaannya akan mengalami keadaan perubahan emosi sama ada negatif kepada positif ataupun sebaliknya. Emosi pesakit boleh dirawat sekiranya diurus dengan baik berpandukan al-Quran dan al-Sunnah. Menurut Lina (2007) wanita dan kesihatan adalah topik yang sering menjadi perbualan dalam kalangan rakyat Malaysia. Berbanding dengan lelaki, tubuh wanita mengalami perubahan yang besar apabila melalui peringkat remaja, dewasa sehingga menjadi seorang ibu dan akhirnya ke usia emas. Statistik menunjukkan bahawa pesakit kanser di Malaysia pada tahun 2013 bagi masyarakat Melayu berjumlah 38.6% dan ianya merupakan peratusan yang agak tinggi selepas masyarakat Cina iaitu 43.2% (<http://www.facebook.com/Aprikot B17>).

Namun demikian, terdapat segelintir pesakit kanser yang kurang yakin dan mempertikaikan al-Quran sebagai *syifa'* (penyembuh) kepada penyakit kanser atau penyakit-penyakit rohani dan jasmani yang lain. Sebenarnya al-Quran adalah rahmat dan anugerah yang tidak ternilai kepada umat Rasulullah SAW. Hal ini kerana kandungannya berupa syariat, nasihat, *masalahah* dan ubat (*syifa'*). Dalam masyarakat Melayu khususnya di Malaysia, ramai yang sudah meyakini kemampuan ayat-ayat suci al-Quran ini boleh menjadi penawar, tetapi dalam masa yang sama, terdapat segelintir mereka yang kurang yakin dan tidak dapat melihat proses penyembuhan melalui ayat-ayat al-Quran tersebut. Mereka merasa sukar untuk diterima akal apabila hanya dengan membaca ayat-ayat al-Quran, penyakit yang bersifat fizikal ini akan sembuh tanpa sebarang rawatan seperti menelan ubat atau tanpa melalui sebarang pembedahan. Menurut Rahnama et al (2012) pesakit kanser pada kebiasaannya cenderung ke arah tekanan dari sudut rohani. Menurut A.Rahman (2008) kesejahteraan kerohanian antara yang diperlukan oleh pesakit kanser. Pesakit kanser pada kebiasaannya akan menghadapi serangan persepsi dan emosi yang negatif seperti menggambarkan kematian, berasa sedih, murung serta menyerah kalah. Hal ini juga memberi kesan kepada persepsi pesakit terhadap nilai kehidupan. Pada kebiasaannya, rawatan moden yang dilakukan terhadap pesakit kanser antaranya adalah pembedahan, kemoterapi, radioterapi atau pemindahan sumsum tulang yang merupakan rawatan utama. Penerimaan rawatan moden ini mempunyai kesannya yang tersendiri dan pesakit memerlukan penggunaan ubat penahan sakit, makanan dan nutrisi secukupnya, kaunseling dan aspek kerohanian. Justeru itu, demi meredakan perasaan emosi yang tidak stabil, pesakit disarankan beramal dengan amalan-amalan kerohanian dalam kehidupan harian mereka

## III. Metodologi Kajian

Reka bentuk kajian ini ialah kajian tinjauan. Kajian ini menggunakan soal selidik untuk mendapatkan data mengenai amalan-amalan kerohanian yang diamalkan oleh pesakit kanser wanita. Soal selidik ini telah diadaptasi berdasarkan soal selidik Salasiah (2008) dan Nurul Shahirah (2015) juga berdasarkan perbincangan antara GUP Penyelidikan bertajuk “*Kaedah Penerapan Kerohanian Menurut Islam Terhadap Pesakit Kanser Wanita ke arah Kesejahteraan Hidup di Malaysia*” bertarikh 25 Jan 2017 serta pihak PKKM bertempat di Bilik Mesyuarat Jabatan Syariah, UKM.

Kajian ini menggunakan analisis deskriptif bagi menentukan amalan-amalan kerohanian dalam kalangan pesakit kanser wanita. Penentuan dan perbincangan hasil kajian berdasarkan Jadual 1 Interpretasi skor min yang telah ditetapkan skala Likert 4 iaitu 1.00 hingga 2.00 menunjukkan rendah, 2.01 hingga 3.00 menunjukkan sederhana dan 3.01 hingga 4.00 tinggi.

Jadual 1: Interpretasi Skor Min Berdasarkan Empat Nilai Markah

Skor Min	Interpretasi Skor Min
1.00- 2.00	Rendah
2.01-3.00	Sederhana
3.01-4.00	Tinggi

Sumber: Fauziah et. al 2012

## IV. Perbincangan Hasil Kajian

. Demografi responden adalah terdiri daripada 20 orang yang telah dipilih secara kesenangan (*convenience sampling*) dalam kalangan pesakit kanser wanita Melayu beragama Islam sahaja di Persatuan Kebangsaan Kanser Wanita (PKKM) Kuala Lumpur. Umur mereka antara 31 hingga 71 tahun. Status perkahwinan mereka berkahwin dan ada yang janda. Tempoh perkahwinan mereka pula antara 5 tahun ke 30 tahun ke atas. Tahap pendidikan mereka antara SRP/PMR/PT3 hingga ke peringkat Sarjana dan mereka ini mempunyai sejarah latar belakang keluarga yang mengidap pelbagai kanser seperti kanser payudara, rahim dan servik. Hasil kajian mengenai amalan-amalan kerohanian dalam kalangan pesakit kanser wanita seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Amalan-Amalan Kerohanian Dalam Kalangan Pesakit Kanser Wanita

Amalan-Amalan Kerohanian Dalam Kalangan Pesakit Kanser Wanita		STS	TS	S	SS	MIN	SP
1	Saya membaca al-Quran untuk menenangkan hati	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489
2	Saya membaca terjemahan al-Quran untuk ketenteraman jiwa	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489
3	Saya membaca buku-buku agama bagi menambah ilmu pengetahuan	0 0.0	0 0.0	9 45.0	11 55.0	3.55	0.510
4	Saya berzikir kepada Allah SWT untuk menyucikan hati	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489
5	Saya berselawat ke atas Nabi Muhammad SAW	0 0.0	0 0.0	8 40.0	12 60.0	3.60	0.503
6	Saya melaksanakan solat fardu lima waktu untuk meningkatkan keimanan	0 0.0	0 0.0	6 30.0	14 70.0	3.70	0.470
7	Saya selalu melaksanakan solat-solat sunat untuk beroleh kekuatan diri	0 0.0	0 0.0	10 50.0	10 50.0	3.50	0.513
8	Saya berdoa kepada Allah SWT sebagai tempat penggantungan	0 0.0	0 0.0	9 45.0	11 55.0	3.55	0.510
9	Saya beristighfar agar mengurangkan penderitaan kesakitan yang dialami	0 0.0	0 0.0	10 50.0	10 50.0	3.50	0.513
10	Saya bermuhasabah diri untuk memperbaiki kehidupan agar lebih baik	0 0.0	0 0.0	8 40.0	12 60.0	3.60	0.503
11	Saya mengingati Allah SWT supaya hati dan fikiran sentiasa tenang	0 0.0	0 0.0	8 40.0	12 60.0	3.60	0.503
12	Saya mengerjakan umrah bagi menyucikan hati dan jiwa	0 0.0	0 0.0	1 5.0	14 70.0	3.20	0.523
13	Saya iringi mengerjakan haji sekiranya berkemampuan	0 0.0	0 0.0	13 65.0	7 35.0	3.35	0.489
14	Saya mengerjakan qiamullail seorang diri atau berjemaah dengan suami dan keluarga	0 0.0	0 0.0	14 70.0	6 30.0	3.30	0.470
15	Saya berpuasa sunat untuk mendekati diri kepada Allah SWT	0 0.0	0 0.0	10 50.0	10 50.0	3.50	0.513
16	Saya bersedekah untuk meringankan ujian kesakitan	0 0.0	0 0.0	10 50.0	10 50.0	3.50	0.513
17	Saya mengeluarkan zakat untuk menyucikan harta yang dimiliki	0 0.0	0 0.0	11 55.0	9 45.0	3.45	0.510
18	Saya bertaubat kepada Allah SWT agar diberi keampunan	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489
19	Saya memohon kepada Allah SWT agar amalan harian saya diterima	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489
20	Saya menjalani kehidupan seharian dengan lebih bermanfaat agar Allah SWT memudahkan kehidupan saya	0 0.0	0 0.0	6 30.0	14 70.0	3.70	0.470
21	Sabar membuatkan saya berkemampuan menanggung ujian	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489
22	Redha membuatkan hati saya sentiasa tenang	0 0.0	0 0.0	6 30.0	14 70.0	3.70	0.470
23	Tawakal menguatkan keyakinan saya bahawa kesembuhan itu adalah daripada Allah SWT	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489
24	Syukur membuatkan saya lebih menghargai nikmat yang Allah SWT berikan	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489
25	Berbaik sangka meyakinkan saya akan hikmah ujian yang ditakdirkan Allah SWT	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489
26	Tabah memberikan keyakinan kepada saya untuk lebih kuat meneruskan kehidupan	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489
27	Saya ikhlas mengharapkan keampunan daripada Allah SWT	0 0.0	0 0.0	7 35.0	13 65.0	3.65	0.489

Sumber: Soal selidik 2017

Secara umum, hasil kajian ini selari dengan Lokman (2013) membaca ayat-ayat suci al-Quran adalah amalan utama dalam perubatan penyembuhan kanser (min=3.65). Usman Sa'id (2002) zikir merupakan satu kaedah mengingati Allah SWT (min=3.65). Hamdani (2001) meminta pesakit melakukan solat sunat tasbeeh, taubat dan solat hajat (min=3.50), diikuti dengan membaca wirid untuk memohon keampunan daripada Allah SWT (*istighfar*) (min=3.50) mensucikan Allah SWT (*tasbeeh*), memuji Allah SWT (*tahmid*), mengesakan Allah SWT (*tahlil*), membesarkan Allah SWT (*takbir*), berselawat ke atas nabi Muhammad SAW (min=3.60). Said Hawwa (2002) solat dapat meningkatkan rasa kehambaan kepada Allah SWT (min 3.70). Lokman (2013) doa merupakan terapi perubatan yang sangat berkesan (min=3.55). Al-Ghazali (2000) ibadah haji merupakan satu latihan dalam menghadapi segala macam dugaan (min=3.35). Al-Ghazali (2000) qiamullail penting dilakukan bagi memohon kekuatan daripada Allah SWT untuk menghadapi permasalahan hidup (min=3.30). Ibnu Qayyim (2005) puasa merupakan benteng terhadap penyakit rohani, penyakit hati dan penyakit jasmani (min=3.50). Sedekah dapat membersihkan harta serta mendapat keberkatan dalam kehidupan seseorang (min=3.50). Al-Ghazali (2000) zakat berperanan sebagai pemangkin ke arah menyucikan jiwa dari sifat bakhil (min=3.45). Mohamad Nor (2011) setiap orang perlu menilai diri sendiri pada setiap masa supaya dapat memperbetulkan apa-apa kesalahan dan kelalaian dengan cara bermuhasabah diri (min =3.60). Noresah (2013) sabar menahan penderitaan, kesakitan atau kesusahan, bersikap tenang dan tidak terburu-buru (min=3.65). Said Hawwa (2002) maqam tawakkal adalah terdiri atas ilmu, hal dan amal (min=3.65). Muhammad Azhar (2014) syukur perlu dilahirkan dengan ungkapan lisan yang memuji kebesaran Allah SWT (min=3.65). Said Hawwa (2002) setiap perbuatan yang dilakukan hendaklah dikerjakan dengan ikhlas semata-mata kerana Allah SWT (min=3.65).

## V. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, berdasarkan kepada amalan-amalan kerohanian mampu mengurangkan bebanan atau dugaan pesakit kanser wanita dalam proses merawat dan mencegah kanser yang mereka alami daripada terus merebak dengan cepat dan keadaan lebih terkawal. Antara amalan-amalan kerohanian adalah seperti membaca al-Quran, memperbanyakkan zikir, mengerjakan solat fardu atau solat-solat sunat, memanjatkan doa yang berterusan juga berusaha menyucikan jiwa, Rasulullah SAW telah memberikan panduan kepada umatnya dalam merawat penyakit fizikal menerusi ubat-ubatan. Selain daripada itu, Baginda juga turut sertakan dengan kaedah-kaedah yang berasaskan kepada akidah dan nilai-nilai Islam dengan mengamalkan segala amalan kerohanian yang betul dan memenuhi tuntutan syarak. Ketenangan dan kebahagiaan hidup yang sebenar akan terasa nikmatnya sekiranya setiap pesakit kanser wanita ini memiliki ketenangan dalaman (kerohanian) dan luaran (fizikal) berjalan seiring dengan aktiviti harian mereka. Di samping itu, sokongan moral yang berterusan daripada ahli keluarga, sahabat taulan dan masyarakat sekeliling adalah faktor penyumbang dalam proses pesakit merawat kansernya.

## Rujukan

1. A. Rahman A. Jamal. 2008. *Mengenal Kanser Langkah Pertama Pembasmian*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
2. Ahmad Supian. 1993. *Apa Yang Anda Perlu Tahu Tentang Perubatan Modern*. Selangor: Pustaka Gedung Ilmu.
3. Amina Noor & Kamilarini Kamalsha. 2006. *Sihat Sepanjang Hayat*. Kuala Lumpur: Al-Risalah Product Sdn Bhd.
4. Arief Budiman Abdul Aziz. 2012. *Kanser Usus dan Dubur*. <http://www.myhealth.gov.my/index.php/kanser-usus-a-dubur>. 12 April 2015.
5. Azimathol Hawariah Lope Pihie. 1998. *Memahami Kanser*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. Bruce Miller. 2006. *Kanser Payudara*. Petaling Jaya: OAK Enterprise.
7. Fauziah Ibrahim, Norulhida Sarnon, Khadijah Alavi, Mohd Suhaimim, Noremy Md Akhir & Salinan Nen. 2012. Memperkasa Pengetahuan Agama dalam Rancangan Remaja Bermasalah Tingkah Laku: Ke Arah Pembentukan Akhlak Remaja Sejahtera. *Journal of Social Science and Humanities* 7: 84-93.
8. Al-Ghazali, Abu Hamid MUhammad. 1993. *Mauizah al-Mu'minin min ihya Ulum al-Din*. Ptrj Syed Ahmad Semait. Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD.
9. Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad. 2000. *Rawdah al-Talibinwa 'Umdah al-Salikin*. Beirut: Dar al-Nahdah al-Hadisah.
10. Hamdani Bakran Adz-Dzaky.M. 2001. *Psikoterapi dan Kaunseling Islam: Penerapan Metode Sufistik*. Yogyakarta: Fajar Pustaka Baru.4.
11. Ibnu Qayyim al-Jawziyyah. 2005. *Kaedah-Kaedah Rawatan Penyakit Hati Fiqh Tasawwuf*. Terj Harun al-Rasyid Tuskan. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
12. Lina Mardiana. 2007. *Kanker Pada Wanita*. Indonesia: Niaga Swadaya.
13. Lokman Abdul Hamid. 2013. *Perubatan al-Quran Rawatan Kanser*. Kuala Lumpur: Mustread Sdn Bhd.
14. Md Tahir Azhar. 1994. *Rawatan Kanser Serviks*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
15. Mohamad Nor Daud. 2011. *Mencari Redha Allah SWT*. Kelantan: F To F Printing Enterprise.
16. Mohd Kamel Idris. 2011. *Mencari Kesejahteraan Minda, Emosi dan Fizikal*. Selangor: MKI Publishing.
17. Mohd Rushdan Md Noor. 2008. *Kanser Wanita Pencegahan Dan Rawatan*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
18. Mostafa Kamal. 2010. *The Concept Of Human Soul InAsrar al-Insan Fi M a'rifat al-Ruh Wa al-Rahman Lynn* By Nur al-Din al- Raniri: A Critical Examination. Disertation International Islamic: University Malaysia.
19. Najati, Muhammad Uthman. 1992. *Al-Quran wa'Ilm al-Nafs. Cet ke-5*. Beirut: Dar al-Shuruq.
20. Noresah Baharom. 2010. *Kamus Dewan Edisi ke-4*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
21. Nurul Shahira Ab Wahab. 2015. *Kefahaman Konsep Redha Dalam Kalangan Pesakit Knaser Wanita di Kumpulan Perubatan Johor (KPJ) Specialist Damansara*. Bangi: UKM.
22. Rahnama, Mozghan, Khoshknab, Masoud, Maddah, Sadat Seyed & Ahmadi Fazlollah. 2012. *Iranan Cancer Patient's Perception of Spiritually: A Qualitative Content Analysis Study*. Bio Med Central Ltd.

23. Sabri Abdul Rahman. 1999. *Konsep Perubatan Islam: Falsafah dan Amalan Dalam Konsep Dan Operasi Perubatan Islam*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia.
24. Said Hawwa. 2002. *Mensucikan Jiwa: Konsep Tazkiyyah al-Nafs Terpadu*. Terj Aunur Rafiq Shaleh Tamhid. Jakarta: Robbani Press.
25. Salasiah Hanim Hamjah. 2008. *Pendekatan Dakwah al-Irsyad al-Nafsy Menurut al-Ghazali*. Satu Kajian di Pusat Kaunseling Majlis Agama Islam Negeri Sembilan: USM.
26. Usman Sa'id Sarqawi. 2002. *Zikir itu Nikmat*. Ptrj H.Cocop Alba. Bandung: PT Remaja Rosdakarya.